

07 APR 2001

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE KELANTAN

GUA MUSANG, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari ke Kelantan.

Perdana menteri yang menaiki sebuah helikopter dari Ipoh, Perak tiba di Pusat Sivik di sini pada pukul 10.45 pagi.

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi Setiausaha Agung Umno Tan Sri Mohd Khalil Yaakob disambut antaranya oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Umno Bahagian Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

Yang turut menyambut ialah pemimpin MCA dan MIC Bahagian Gua Musang.

Perdana menteri kemudiaannya menaiki sebuah kereta menuju ke Balai Rakyat Bukit Chekati yang terletak kira-kira 5 km dari Pusat Sivik tersebut untuk merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Gua Musang yang dijadual pada pukul 11.15 pagi.

Kira-kira 3,000 buah motosikal mengiringi perjalanan ke Balai Rakyat Bukit Chekati itu.

Dr Mahathir kemudiannya akan berlepas ke Tanah Merah untuk menghadiri majlis mesra bersama pemimpin peringkat cawangan dan bahagian Umno Bahagian Tanah Merah dan Jeli di Sekolah Menengah Teknik di Tanah Merah pada pukul 3.30 petang.

Perdana menteri selepas itu akan berlepas ke Kota Bharu bagi menghadiri perjumpaan tertutup dengan Biro Politik tiga peringkat Umno bahagian Negeri Kelantan di dewan Bangunan Umno Negeri di Kota Bharu pada pukul 9.15 malam.

Dr Mahathir dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa pada pukul 10.45 malam.

--BERNAMA

AI BD MOZ